

02 JUN 1999
Pahang-Exco
SEORANG MUKA BARU DALAM BARISAN EXCO PAHANG

KUANTAN, 2 Jun (Bernama) -- Anggota Dewan Undangan Negeri kawasan Jengka Datuk Zainal Hassan adalah muka baru yang tunggal dilantik di dalam barisan Exco kerajaan negeri Pahang.

Menteri Besar Datuk Adnan Yaakob, yang turut mengekalkan kesemua barisan anggota Exco Kerajaan Negeri yang lalu, berkata Zainal, 54, akan mempengerusikan Jawatankuasa Perpaduan dan Tugas-tugas Khas, satu portfolio baru yang diwujudkan bertujuan mengeratkan perpaduan di kalangan semua kaum, ahli politik, pentadbiran, sektor swasta dan rakyat di peringkat akar umbi.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad telah bersetuju dengan pelantikan barisan Exco itu, yang turut mendapat perkenan Sultan Pahang, katanya pada persidangan media di Wisma Sri Pahang di sini hari ini.

Jabatan-jabatan yang diletakkan di bawah jawatankuasa baru itu ialah Jabatan Penerangan, Jabatan Kemajuan Masyarakat, Jabatan Perpaduan Masyarakat, Bahagian Hal Ehwal Keselamatan Negara Pahang, polis, tentera, Jabatan Hal Ehwal Orang Asli dan Pejabat Pembangunan Negeri.

Adnan mengangkat sumpah sebagai Menteri Besar Pahang ke-14 pada 25 Mei lepas sebagai menggantikan Tan Sri Khalil Yaakob yang dilantik Menteri Penerangan dalam satu rombakan kecil Kabinet.

Kesemua anggota Exco yang dikekalkan ialah Timbalan Menteri Besar merangkap pengerusi Jawatankuasa Kemudahan Asas Datuk Hasan Arifin, Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan Datuk Kan Tong Leong, Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Alam Sekitar Datuk Bahari Yahaya, Pengerusi Jawatankuasa Sumber Manusia, Kesihatan dan Pembangunan Masyarakat Datuk Law Kee Long;

Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Luar Bandar dan Pusat Pertumbuhan Desa Datuk Omar Othman, Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Perikanan Datuk Tan Aminuddin Ishak, Pengerusi Jawatankuasa Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Datuk Shahiruddin Moin dan Pengerusi Jawatankuasa Belia dan Sukan Datuk Wan Razali Wan Mahussin.

Adnan pula mengekalkan portfolio pengerusi Jawatankuasa Agama dan Pendidikan.

Kesemua anggota Exco itu mengangkat sumpah dan menerima suratcara pelantikan dari Sultan Pahang dalam satu istiadat di Istana Abu Bakar, Pekan pagi ini.

Semasa ditanya rasionalnya untuk mengekalkan barisan Exco itu, Adnan berkata beliau berpuashati dengan prestasi kerja yang ditunjukkan anggota-anggota Exco terbabit dan tidak nampak sebarang sebab untuk menggugurkan mereka.

"Saya beranggapan mereka akan dapat mengekalkan prestasi kerja masing-masing dan menghasil serta melaksanakan segala dasar kerajaan untuk faedah rakyat," katanya.

Mengenai Zainal, beliau berkata pemilihan itu dibuat bukan sahaja berdasarkan kekananan Zainal sebagai wakil rakyat tetapi juga kebolehan dan keupayaan yang ada padanya.

Beliau berkata setelah mengikuti rekod perkhidmatan Zainal, terutamanya kandungan perbahasannya pada setiap persidangan Dewan Undangan Negeri, beliau mendapati Zainal seringkali membuat kajian menyeluruh dan "kerja rumah" terlebih dahulu.

"Kita percaya beliau boleh melakukannya dan pelantikan itu merupakan ganjaran bagi perkhidmatan lama dan kesetiaan kepada parti dan pucuk

kepimpinan. Kami mahu membuktikan bahawa kesetiaan dan perkhidmatan kepada parti akan akhirnya memberikan hasil," katanya.

Zainal menjadi anggota Dewan Undangan Negeri kawasan Jengka sejak 1982.

Adnan juga mengumumkan pelantikan anggota Dewan Undangan Negeri kawasan Kuala Pahang Datuk Abdullah Mohamad Derus sebagai Timbalan Yang Dipertua Undangan Negeri Pahang berkuatkuasa pada persidangan dewan yang akan datang. -- BERNAMA

ROS AKD